

Tarikh Dibaca: 20 Ogos 2021M | 11 Muharram 1443H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“RASUAH SUAPAN YANG TERLAKNAT”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“RASUAH SUAPAN YANG TERLAKNAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Khutbah kali ini bertajuk “RASUAH SUAPAN YANG TERLAKNAT”.

Muslimin yang berbahagia,

Sebagai umat Islam kita dianjurkan untuk mencari rezeki yang halal. Islam memberi kebebasan kepada umatnya untuk menjana harta dan

¹ Al-Baqarah : 188.

² Ali Imran : 102.



kekayaan selagi mana tidak melanggar syariat Allah dan batas-batas kemanusiaan. Salah satu dari larangan Allah ialah jenayah rasuah.

Tahun 2020 menyaksikan kedudukan negara Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah telah jatuh dari tangga 51 ke tangga 57 sekaligus menunjukkan peningkatan rasuah sebanyak 23% peratus, peningkatan ini agak membimbangkan dan sekaligus mengancam kesejahteraan negara dan keselamatan masyarakat dari pelbagai sudut.

Firman Allah SWT yang dibacakan di awal khutbah tadi dipetik dari Surah al-Baqarah ayat 188 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)."

Rasuah merupakan kezaliman terhadap harta, berupa penerimaan dan pemberian, suapan atau sogokan agar sesuatu kepentingan tercapai. Suapan tersebut boleh jadi dalam bentuk penerimaan wang yang bukan hak seseorang itu untuk menerimanya, ganjaran atau apa jua yang bernilai.

Kesalahan rasuah termasuk juga penyalahgunaan kuasa boleh berlaku dalam beberapa situasi seperti berikut:-

1. Penerimaan dan pembayaran sebagai dorongan untuk menyegerakan, meluluskan dan menyelesaikan urusan yang berkaitan tugas rasmi. Contohnya seorang pemohon projek menghadihkan pakej percutian ke luar negara kepada seorang pegawai kerajaan kerana telah meluluskan tender projek kepada syarikat berkenaan.



2. Seseorang menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan keuntungan dengan memberikan kontrak atau kerja-kerja tender kepada ahli keluarga. Sedangkan seorang yang berintegriti akan mengisytiharkan maklumat itu dan mengecualikan dirinya dari terlibat dengan sebarang keputusan yang berkaitan tender tersebut.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Mereka yang terlibat dengan rasuah telah memilih untuk menjatuhkan maruah diri, mencalarkan kebahagiaan keluarga, menjejaskan keharmonian masyarakat dan mengancam kesejahteraan negara. Di sisi Rasulullah SAW pula mereka adalah golongan yang terlaknat.

Hadis yang daripada Thauban Radiallahu'ahnu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الرَّاشِيَّ، وَالْمُرْتَشِيَّ، وَالرَّائِشَ
الَّذِي يَمْشِي بَيْنَهُمَا

"Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah, penerima rasuah dan perantara yang bersifat penghubung antara kedua-duanya"

(Riwayat Ahmad).

Hadis ini menjelaskan kepada kita bahawa setiap orang yang terlibat dengan rasuah iaitu pemberi dan penerima rasuah, pengantara atau proksi bagi kedua-duanya atau sesiapa yang sanggup menjadi keldai tunggangan jenayah rasuah ini, mereka semua dilaknat dan dikutuk. Seorang yang dilaknat sudah tentu akan jauh dari rahmat dan petunjuk Allah. Lebih hina lagi jika dia



mati dalam keadaan hidupnya masih bergelumang dengan rasuah yang keji.

Muslimin sekalian,

Kita dapat melihat kesan buruk jenayah rasuah ini dalam perkara berikut:

Pertama: Rasuah melindungi kejahatan dan menggalakkan berlakunya jenayah secara berleluasa dalam masyarakat.

Kedua: Berlakunya kezaliman dalam tadbir urus kerana menafikan hak mereka yang benar-benar layak.

Ketiga: Kehancuran sistem keadilan dalam sesebuah negara. Rakyat akan hilang kepercayaan terhadap sistem pentadbiran dan pengurusan negara.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Sifat pentingkan diri sendiri, tamak dan ingin hidup mewah dengan cara mudah menjadi pendorong utama kepada seseorang melakukan jenayah rasuah ini. Iman dan takwa tidak lagi penting baginya, pahala dan dosa tidak dihiraukan kerana dikaburi dengan ganjaran yang banyak di samping kesenangan duniawi. Faktor tekanan hidup dan kurang sabar, kelemahan dalam pengawalan diri, jahil tentang kesan rasuah terhadap institusi dan negara, kurang ketelusan dan pemantauan dalam pentadbiran sehingga mewujudkan ruang dan peluang untuk melakukan rasuah, semuanya ini turut menyumbang kepada terjadinya gejala rasuah.

Orang yang terlibat dengan rasuah doanya terhijab, amal ibadahnya tidak diterima, sedekahnya tertolak dan di akhirat kelak dia akan bangkit sebagai seorang yang mufliis. Rasuah tidak akan menjadikan seorang itu tenang, kekayaan yang dimiliki akan menjadi bebanan jiwa sepanjang hayat, ketahuilah rezeki terlaknat rezeki yang tiada berkat. Bayangkan



pula anak-anak dan keluarga yang makan dari sumber dan hasil yang haram, pengkhianatan apa yang sedang dilakukan terhadap keluarganya? takutlah jika neraka menjadi tempat kembalinya di akhirat nanti.

Hadis daripada Ka'ab bin 'Ujrah Radiallahu'anhu bahwa Rasulullah SAW bersabda:

يَا كَعْبَ بْنَ عُجْرَةَ لَا يَرْبُو لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْتٍ إِلَّا
كَانَتْ النَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ

"Wahai Ka'ab bin 'Ujrah, tidaklah daging manusia tumbuh dari barang yang haram kecuali neraka lebih utama atasnya."

(Riwayat al-Tirmidzi).

Umat Islam hendaklah mencari dan memastikan rezeki yang diperolehi adalah dari sumber yang halal sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu."

Bersempena munculnya tahun baru Hijrah 1443 ini kita perlu teruskan tekad dan azam membina kehidupan diri, keluarga dan masyarakat yang lebih baik. Marilah bersama-sama kita hindari sebarang bentuk rasuah dengan membina jati diri, keimanan, integriti dan sifat amanah yang unggul. Bersama-sama membanteras penjenayah rasuah sama ada pemberi, penerima



atau pengantara dengan membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Semoga negara kita bebas dari rasuah.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri khutbah hari ini marilah sama-sama kita ambil penghayatan seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah takut kepada azab Allah SWT atas amalan rasuah yang terkutuk.
2. Umat Islam perlu bersatu dan bekerjasama demi mengekang gejala rasuah yang keji ini.
3. Umat Islam hendaklah mengutamakan yang halal dan meninggalkan yang haram dengan serta merta walau apa jua keadaan sekalipun.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

"Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

(al-Baqarah : 195).



بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi SOP dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid-19 demi keselamatan diri serta masyarakat.



Dalam kita berhadapan dengan wabak ini, janganlah kita mengambil jalan mudah dengan memudarat dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.

Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِينِ



عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَعَكَوْ اَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اَللّٰهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meniggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ﴿٢٠١﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.